

**Wanita Menurut *Taklif*:**  
**Satu Analisis terhadap Watak Fatimah dalam Cerpen**  
**“Perempuan Gusti” dan “Fatimah Kahwin” Karya Hamzah Hussin**  
*Women According to Taklif: An Analysis on the Role of Fatimah in*  
*Hamzah Hussin’s Short Stories “Perempuan Gusti” and “Fatimah Kahwin”*

<sup>1</sup>ELIZATUL NASTAYSAH KAMARUDDIN

<sup>2</sup>MOHD. ZARIAT ABDUL RANI

*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia 43400,  
Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.*

*<sup>1</sup>elizatulnastaysah@gmail.com, <sup>2</sup>mozariat@yahoo.com*

**Abstrak** Artikel ini membangkitkan tentang kecenderungan cerpen-cerpen Hamzah Hussin terhadap persoalan wanita. Kecenderungan ini tidak pula disambut dengan kajian ilmiah yang meluas tentang wanita dalam cerpen-cerpen Hamzah Hussin. Kajian Membunga@Siti Meriam Yaacob (2005 & 2010) memberikan fokus terhadap wanita dalam karya-karya Hamzah Hussin, serta membandingkannya dengan karya-karya Keris Mas. Dengan menerapkan teori feminisme, kajian Membunga@Siti Meriam Yaacob antara lain memperakukan watak Fatimah dalam cerpen-cerpen Hamzah Hussin sebagai manifestasi kemodenan wanita Melayu. Dalam konteks penerapan teori feminisme dan hasilnya, Mohd Affandi Hassan (2012) antara lain membahaskan tentang kesesuaian teori Barat itu (feminisme) dalam pengkajian karya sastera Melayu. Ungku Maimunah Mohd. Tahir dan Zulkarnain Mohamed (2013) merumuskan bahawa penerapan feminisme “tanpa berhati-hati dan penuh hemah” (istilah mereka sendiri) boleh menghasilkan kesimpulan yang mengelirukan tentang Islam dan budaya Melayu. Dengan kata lain, ketiga-tiga sarjana ini menuntut supaya pengkajian tentang wanita dalam karya-karya sastera Melayu mengguna pakai satu kerangka yang berteraskan Islam. Seajar dengan tuntutan ini, artikel ini diusahakan bagi menganalisis dan seterusnya merumuskan tentang manifestasi watak Fatimah dalam dua cerpen Hamzah Hussin, iaitu “Perempuan Gusti” (1951) dan “Fatimah Kahwin” (1951) berdasarkan prinsip *Taklif*. Untuk tujuan itu, artikel ini menerapkan gagasan Persuratan Baru, iaitu satu kerangka analisis yang berteraskan Islam dan memanfaatkan *Taklif* (dalam ajaran Islam) sebagai prinsipnya. Dengan menerapkan gagasan

Persuratan Baru, analisis ini merumuskan bahawa watak Fatimah dalam kedua-dua cerpen Hamzah Hussin yang dikaji, hadir sebagai manifestasi wanita Melayu yang menyanggah syariat Islam.

**Kata kunci:** Hamzah Hussin, wanita, Persuratan Baru, Taklif, cerpen.

***Abstract** This article raises the question on the inclination of Hamzah Hussin's short stories on women's issues. This inclination has not been extensively researched in the short stories of Hamzah Hussin. Currently, Membunga@Siti Meriam Yaacob (2005 & 2010) is the only study that focused on women in the works of Hamzah Hussin which compared them with the works of Keris Mas. By applying the theory of feminism, Membunga@Siti Meriam Yaacob's study recognizes the character of Fatimah in Hamzah Hussin's short stories as a manifestation of the modernity of Malay women. In the context of the application of feminist theory, Mohd Affandi Hassan (2012) debated the relevance of the Western theory (feminism) in the research of Malay literary works. Ungku Maimunah Mohd. Tahir and Zulkarnain Mohamed (2013) deduced by using their own terms that the implementation of feminism "without prudence and sufficient consideration" can cause misleading perception about Islam and the Malay culture. In other words, all three scholars have demanded the implementation of Islamic-based framework in the study of women in Malay literary works. Along with this claim, this article works on analysing and deducing the manifestation of the character of Fatimah in these two short stories of Hamzah Hussin, named "Perempuan Gusti" (1951) and "Fatimah Kahwin" (1951), based on the principle of Taklif. Therefore, this article applies the idea of 'Persuratan Baru' which is an Islamic-based analytical framework that uses Taklif in Islamic teaching as the principle. By implementing the idea of 'Persuratan Baru', this analysis has concluded that the character of Fatimah in both short stories authored by Hamzah Hussin is a manifestation of a Malay woman in opposition to the Islamic teaching.*

**Keywords:** Hamzah Hussin, women, Persuratan Baru, Taklif, short story.

## Pengenalan

Nama Hamzah Hussin (seterusnya Hamzah) bukan asing dalam dunia kesusasteraan Melayu moden. Sehingga kini, nama Hamzah tercatat sebagai sasterawan yang meninggalkan pengaruhnya yang tersendiri. Hamzah terkenal dengan konsep "Seni untuk Seni" yang memperjuangkan kebebasan dalam berkarya atas nama seni itu sendiri (Athi Sivan Mariappan, 1997: 64). Prinsip ini dianggap bertentangan dengan prinsip "Seni untuk Masyarakat," yang menjadi pegangan Angkatan Sasterawan 50 atau lebih dikenali dengan nama ASAS 50, dan memperjuangkan falsafah seni yang disandarkan pada fungsi seni kepada masyarakat.

## Latar Belakang Kajian

Hamzah Abdul Majid bin Hussin dilahirkan pada 27 Julai 1927 di Singapura, dalam keluarga Melayu berketurunan Tamil yang beragama Islam. Hamzah mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Teluk Kurau, Singapura pada tahun 1933 hingga 1936. Selepas itu, Hamzah menyambung persekolahannya di Teluk Kurau English School (sehingga tamat darjah 5), dan di Victoria Institution, Singapura hingga peringkat Senior Cambridge. Pengajian Hamzah di Victoria Institution tidak dapat dihabiskan kerana tercetus Perang Dunia Kedua. Selain itu, Hamzah juga mendapat pendidikan di Sekolah Agama Islamiah selama empat tahun semasa zaman pemerintahan Jepun (Mohamad Raezi Ismail, 1994: 15). Setelah tamat persekolahan, Hamzah mula melibatkan diri dalam perfileman dengan kecenderungan dalam bidang kritikan filem. Tulisan kritikan beliau banyak diterbitkan dalam majalah hiburan pada ketika itu. Oleh kerana minat yang mendalam terhadap bidang perfileman, Hamzah dan rakan-rakannya menerbitkan sebuah majalah perfileman berjudul *Majalah Filem Melayu*. Hamzah kemudian bertugas sebagai pegawai penerangan dan banyak menulis skrip filem Melayu di Syarikat Cathay Keris selama tujuh tahun. Hamzah kemudiannya bekerja di sebuah syarikat perfileman, iaitu Syarikat Sari Artis pada tahun 1971, dengan menyandang jawatan sebagai pengurus. Pada tahun 1971, Hamzah berhijrah ke Malaysia dan mendapat taraf kewarganegaraan pada tahun 1979. Di Kuala Lumpur, Hamzah menubuhkan syarikat perfilemannya sendiri yang diberi nama Telefilem Enterprise di Padang Jaya pada tahun 1986 (Mohamad Raezi Ismail, 1994: 19 – 20).

Selain terlibat dalam bidang perfileman, Hamzah juga terlibat dalam bidang penulisan karya sastera. Bakat penulisannya terserlah apabila Hamzah sering memenangi pertandingan mengarang cerita sandiwara ketika zaman persekolahannya. Beberapa novel nukilan Hamzah telah mendapat perhatian yang besar dalam dunia kesusasteraan Melayu moden. Antaranya, novel *Tarikh Berlari Liar* (1949), *Di Mana Terbitnya Si Matahari* (1950), *Rumah Itu Dunia Aku* (1951), *Pemburu Telah Kembali ke Rumah* (1952), *Samseng* (1956), *Rumah Kosong* (1956) dan *Hujan Air Mata* (1958). *Rumah Itu Dunia Aku* merupakan novel Hamzah yang paling mendapat sambutan, dan telah diulang cetak sebanyak beberapa kali sejak tahun 1958 hingga 1965 (Mohamad Raezi Ismail, 1994: 28). Novel ini juga kemudiannya difilemkan dengan judul yang sama dan skrip filem ini ditulis sendiri oleh Hamzah (Membunga@Siti Meriam Yaacob, 2010: 16).

Selain novel, Hamzah juga menghasilkan cerpen. Cerpen pertama Hamzah berjudul “Pembunuhan dalam Studio” diterbitkan dalam majalah *Filem Melayu* pada tahun 1948. Sehingga tahun 1950-an, Hamzah sudah pun menerbitkan kira-kira 200 buah cerpen yang rata-rata terbit dalam akhbar dan majalah (Mohamad Raezi Ismail, 1994: 30). Beberapa pengkritik menganggap Hamzah cenderung menggarap persoalan yang berlegar dalam kehidupan watak wanita. Kecenderungan ini menjadi sebab cerpen-cerpen beliau popular dalam kalangan pembaca awam. Populariti Hamzah pada ketika itu dan kecenderungan beliau terhadap persoalan berkaitan wanita, dicatatkan Mohamad Raezi Ismail seperti berikut:

...kemenangan beliau [Hamzah dalam anugerah “Pengarang Pujaan 1952”] adalah kerana beliau [Hamzah] sangat gemar mengolah persoalan hidup wanita. Ini dapat dikaitkan dengan situasi pada masa itu di mana hampir 80 peratus pembaca adalah di kalangan wanita (Mohamad Raezi Ismail, 1994: 30).

Kecenderungan cerpen-cerpen Hamzah terhadap persoalan kaum wanita diakui oleh Membunga@Siti Meriam Yaacob (seterusnya Membunga). Dalam bukunya bertajuk *Wanita dalam Karya Hamzah Hussin Menurut Feminisme* (2010), Membunga menjelaskan bahawa Hamzah gemar menampilkan watak wanita serta mengutarakan tema dan isu berkaitan wanita. Lebih menarik lagi, pengamatan Membunga mendapati

nama-nama wanita turut diabadikan sebagai judul cerpen-cerpen Hamzah (Membunga, 2010: 13 – 14).

Pandangan Mohamad Raezi Ismail (seterusnya Mohamad Raezi) (1994) dan Membunga (2010) yang dipetik, memperakukan kecenderungan cerpen-cerpen Hamzah terhadap persoalan wanita. Ironinya kecenderungan ini tidak disambut dengan kajian ilmiah tentang wanita dalam cerpen-cerpen Hamzah. Hanya tesis kedoktoran Membunga memberikan fokus tentang wanita dalam karya-karya Hamzah, dengan membandingkannya dengan karya-karya Keris Mas. Sebahagian tesis kedoktoran Membunga yang bertajuk “Tanggapan Wanita dalam Karya Hamzah dan Keris Mas” (2005), kemudiannya terbit dalam bentuk buku ilmiah pada tahun 2010 dengan judul *Wanita dalam Karya Hamzah Hussin dari Perspektif Kritikan Feminis* (2010). Buku ilmiah yang diterbitkan Penerbit Universiti Sains Malaysia memberikan fokus terhadap cerpen dan novel nukilan Hamzah. Lebih penting dalam konteks artikel ini ialah teori feminisme yang dipilih sebagai kerangka analisis dalam buku Membunga. Pemilihan teori feminisme ini diasaskan pada objektif kajian, iaitu untuk menilai kembali dakwaan pengkritik feminis yang menganggap para penulis lelaki cenderung memberikan imej negatif terhadap watak wanita dalam karya mereka. Dengan menerapkan teori feminisme, buku Membunga mengenal pasti kecenderungan Hamzah dalam menampilkan watak wanita yang berani menentang tradisi serta nilai masyarakat Melayu yang beragama Islam. Antara yang dibangkitkan ialah keberanian watak wanita memakai pakaian yang tidak menutup aurat, selain tidak memelihara batas pergaulan lelaki-perempuan menurut hukum Islam. Lebih penting lagi, dengan menerapkan teori feminisme, tindak-tanduk watak wanita yang sedemikian, dianggap sebagai satu manifestasi kemodenan, sebagaimana yang disimpulkan oleh Membunga:

Pada keseluruhannya, cerpen [karya Hamzah bertajuk] “Fatimah Kahwin” memperkukuh penampilan watak Fatimah yang bersikap menentang arus. [Watak] Fatimah telah berjaya menjadikan dirinya sebagai gadis “moden” setelah begitu berani keluar daripada batas pergaulan. Dia juga telah berjaya menyahut seruan pembebasan wanita dengan menjadikan dirinya sebagai model gadis Melayu yang moden, berfikiran terbuka dan bebas bergaul serta menyertai aktiviti yang disertai lelaki tanpa berasa kekok atau malu (Membunga, 2010: 159).

Tanpa menafikan kesejajaran teori feminisme dengan objektif kajian tersebut, artikel ini ingin membangkitkan soal kesesuaian penerapan teori Barat itu dalam penilaian terhadap karya-karya sastera Melayu yang dihasilkan oleh para penulis beragama Islam, seperti Hamzah. Perkara ini pernah dibangkitkan oleh Mohd. Affandi Hassan (seterusnya Mohd. Affandi) dalam blog beliau bertajuk “Gagasan Persuratan Baru”. Dalam entri bertajuk “Bisukah Sastera Melayu Tanpa Teori Barat?” (2012), Mohd. Affandi antara lain membahaskan kerelevanan teori feminisme dalam pengkajian kesusasteraan Melayu. Dengan menjadikan beberapa kajian tentang wanita dalam kesusasteraan Melayu (yang menerapkan teori feminisme) sebagai contoh, tulisan Mohd. Affandi ini antara lain membangkitkan soal kekeliruan yang menurutnya berpunca daripada penerapan teori Barat seperti feminisme. Antaranya, bagaimana dengan mengguna pakai feminisme sebagai kerangka analisis, nilai akhlak wanita yang dianggap mulia di sisi Islam, berubah menjadi satu bentuk penindasan terhadap wanita oleh sistem patriarki, iaitu satu sistem yang sendeng terhadap kaum lelaki. Selain itu, nilai-nilai yang bertentangan dengan Islam pula seperti pergaulan lelaki perempuan tanpa batas, dianggap sebagai lambang kemajuan kaum wanita menurut feminisme. Dengan kata lain, menurut Mohd. Affandi, teori feminisme bertentangan dengan nilai-nilai Islam, sebagaimana yang disimpulkannya:

...yang diutamakan [dalam feminisme] ialah sifat-sifat jahat dalam diri seorang perempuan, maka menjadi tuntutan dalam feminisme supaya pengarang wanita, jika mahu berjaya seperti yang ditakrifkan oleh feminisme, mestilah menceritakan kejahatan seorang wanita [menurut kaca mata Islam], seorang pemberontak (secara senyap mahu pun secara lantang), seorang yang mahukan kebebasan penuh dan yang berani menampilkan dirinya sebagai penentu nilai-nilai kehidupan biasa menurut kemahuan hawa nafsunya (Mohd. Affandi, 2012).

Dalam konteks inilah, Mohd. Affandi menganggap feminisme tidak sesuai dijadikan sebagai kerangka bagi menganalisis karya-karya sastera Melayu. Lebih penting adalah seruan beliau supaya sarjana dan pengkaji sastera Melayu lebih bersikap hati-hati dalam menerima teori-teori Barat seperti feminisme. Pengkajian karya-karya sastera Melayu juga menurut Mohd. Affandi harus mengguna pakai kerangka Islam, sebagaimana yang disimpulkannya:

[Teori] ...feminisme tidak diperlukan sebagai alat analisis dalam kajian kita [merujuk pengkaji dan sarjana Islam] tentang persoalan yang dihadapi wanita Islam, walaupun perlu diketahui sebagai satu gerakan wanita di Barat. Feminisme masih boleh diperkenalkan di universiti supaya para pelajar kita terdedah kepada beberapa perkembangan yang agak menggemparkan dunia akademik Barat; tetapi pengenalan itu mesti diikuti dengan huraian yang mendalam dan lengkap tentang kedudukannya menurut pandangan Islam, supaya para pelajar tidak hanyut dalam kepercayaan tidak berasas bahawa feminisme cocok dengan pandangan Islam (Mohd. Affandi, 2012).

Nada yang sama juga diutarakan oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir (seterusnya Ungku Maimunah) dan Zulkarnain Mohamed (seterusnya Zulkarnain) dalam buku mereka bertajuk *Islam, Feminisme Barat dan Sastera Melayu* (2013). Buku ini antara lain membahaskan secara kritis soal kesesuaian teori feminisme sebagai kerangka dalam menganalisis karya-karya sastera Melayu. Dengan meneliti beberapa kajian tentang karya sastera Melayu yang menerapkan teori feminisme, tulisan Ungku Maimunah dan Zulkarnain antara lain menyimpulkan bahawa penerapan teori Barat itu hanya menyerlahkan nilai-nilai yang bertentangan dengan Islam, sebagaimana dalam petikan berikut:

...wajar dipertikaikan ialah betapa dengan menggunakan teori feminis tanpa berhati-hati dan penuh hemah, karya yang menentangkan perkara jijik, maksiat dan kufur [di sisi Islam] dengan mudah diangkat sebagai karya bermutu, indah dan berseni.... Sehubungan itu, kita wajar bertanya di manakah letaknya keprihatinan kepada Islam dan nilai Melayu... (Ungku Maimunah dan Zulkarnain, 2013:178).

Sama dengan Mohd. Affandi, kesimpulan Ungku Maimunah dan Zulkarnain membangkitkan soal pertentangan antara feminisme dengan Islam. Sehubungan itu, tulisan Ungku Maimunah dan Zulkarnain menganjurkan supaya Islam dijadikan sebagai kerangka analisis dalam pengkajian tentang wanita dalam kesusasteraan Melayu, sebagaimana yang ditulis oleh mereka seperti berikut:

Menjurus secara khusus kepada konteks kita, kekayaan dan kedinamikan Islam telah berjaya membangunkan tradisi persuratan Melayu-Islam yang gemilang satu ketika dahulu, dan yang masih ada bersama

kita, wajar dimanfaatkan [sebagai kerangka analisis] kerana ia cukup berkemampuan untuk menjadi penyaring yang amat teliti dan sekali gus pendidik yang amat pekerti. Ini perlu dilakukan demi memastikan penulisan yang dihasilkan itu bermutu, beradab serta kaya dengan ilmu, dan memang wajar dibanggakan serta diwariskan sebagai khazanah yang tidak ada tolok bandingnya (Ungku Maimunah dan Zulkarnain, 2013: 178).

Berdasarkan kepada pandangan itu, adalah jelas bahawa penerapan feminisme dalam pengkajian tentang wanita dalam kesusasteraan Melayu telah dicabar. Hal ini termasuklah penerapan feminisme sebagai kerangka dalam menganalisis karya-karya Hamzah, sebagaimana yang diusahakan oleh Membunga. Lebih penting ialah seruan supaya pengkajian tentang wanita dalam kesusasteraan Melayu, mengguna pakai kerangka analisis yang berteraskan Islam. Dalam usaha menyahut seruan inilah, artikel ini diusahakan untuk menganalisis watak Fatimah dalam karya-karya Hamzah Hussin dan seterusnya merumuskan manifestasinya dalam karya-karya tersebut, berdasarkan satu kerangka analisis yang berteraskan Islam.

Sehubungan itu, artikel ini memilih dua cerpen Hamzah Hussin iaitu “Perempuan Gusti” (1951) dan “Fatimah Kahwin” (1951). Kedua-dua cerpen ini terbit dalam majalah *Mutiara*, dan kemudiannya diterbitkan semula dalam satu kumpulan cerpen berjudul *Pagar Bukan Penjara: Kumpulan Cerpen 1947 – 1968 Hamzah Hussin* (1996). Kedua-dua cerpen ini menyajikan cerita yang berkesinambungan, iaitu tentang watak protagonisnya Fatimah, seorang wanita Melayu beragama Islam, yang bercita-cita menjadi seorang ahli gusti. Turut diceritakan ialah kisah perhubungan Fatimah dengan teman lelakinya, Ahmad. Tumpuan terhadap kedua-dua cerpen Hamzah ini didasarkan kepada perakuan pengamat dan pengkaji sastera seperti Mohamad Raezi dan Membunga bahawa karya-karya Hamzah memang cenderung menggarap persoalan berkaitan wanita, seperti yang dinyatakan.

Sejajar dengan seruan supaya diguna pakai kerangka analisis yang berteraskan Islam, artikel ini menerapkan Persuratan Baru (seterusnya, PB) yang digagaskan oleh Mohd. Affandi, sebagai kerangka analisis. Pemilihan



PB ini diasaskan kepada dua pertimbangan. Pertama, teras Islam yang mendasari PB. Teras ini sejajar dengan tuntutan supaya pengkajian tentang wanita dalam kesusasteraan Melayu dinilai berdasarkan satu kerangka yang berteraskan Islam. Kedua, dan seiring dengan teras Islam itu sendiri ialah *Taklif* yang dimanfaatkan PB sebagai prinsip penting yang mendasari idea-ideanya. Prinsip *Taklif* ini dapat dimanfaatkan dalam memahami soal wanita menurut Islam, yang menjadi fokus perbincangan dalam artikel ini. Selain kedudukan Hamzah sendiri sebagai seorang penulis yang beragama Islam, kedudukan watak protagonis Fatimah (dalam kedua-dua cerpen yang dikaji) sebagai wanita Melayu yang beragama Islam, menjadikan penerapan kerangka PB yang berteraskan prinsip *Taklif*, sebagai satu pilihan yang sesuai dan adil terhadap kedua-dua teks yang dikaji. Perbincangan selanjutnya membincangkan PB serta prinsip *Taklif* yang mendasari ideanya.

#### PERSURATAN BARU: SATU KERANGKA ANALISIS

Gagasan PB tercetus daripada reaksi Mohd. Affandi terhadap kesusasteraan Melayu moden, yang dianggapnya cenderung terhadap Barat. Kecenderungan ini dianggap menyebabkan karya sastera Melayu memperagakan nilai bertentangan dengan Islam. Mohd. Affandi mengajukan PB, yang pada dasarnya bertujuan untuk menghidupkan semula tradisi persuratan Islam dalam kegiatan sastera Melayu hari ini. Dalam merealisasikan tujuan ini, PB menekankan tiga falsafah, iaitu "Hakikat Insan", "Hakikat Ilmu dan Amal" dan "Hakikat dan Fungsi Sastera". Ketiga-tiga falsafah ini diikat pada prinsip *Taklif* yang merujuk kepada keterikatan manusia dengan Penciptanya yakni Allah SWT (Mohd. Affandi *et al.*, 2008: 181).

Menurut Munir Baalbaki (1997: 361), *Taklif* dari segi bahasa secara literalnya bermaksud "beban yang diletakkan ke atas bahu manusia". Pengertian *Taklif* terkandung dalam kitab Shah Wali Allah al-Delhi bertajuk *Hujjat Allah Al Baligha*. Kitab ini diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Marcia K. Hermansen (seterusnya Hermansen) sebagai *The Conclusive Argument From God* (1996). Shah Wali Allah al-Delhi mentakrifkan *Taklif* sebagai "rahsia kebertanggungjawaban agama ke atas diri manusia" (Hermansen, 1996: 238). Kebertanggungjawaban agama ini merujuk kepada kesanggupan manusia untuk beribadah kepada Allah SWT

sepanjang kehidupan mereka di muka bumi. Kesanggupan manusia ini diserahkan pada “perjanjian azali” (*primordial covenant*) yang termeterai antara manusia dengan Penciptanya sejak di alam roh, sebagaimana yang dijelaskan dalam al-Quran Surah al-A’raaf, ayat 172 yang antara lain bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam dari (tulang) belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (Firman-Nya): Bukankah Aku Tuhan kamu? Mereka menjawab: Benar, kami menjadi saksi. Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari Kiamat kelak: Sesungguhnya kami orang yang lalai tentang (hakikat tauhid) ini (*Tafsir al-Quran*, 2010: 173).

Sebagaimana yang dijelaskan di atas, *Taklif* ditakrifkan oleh Shah Wali Allah al-Delhi r.h. sebagai “kebertanggungjawaban agama ke atas diri manusia”. Berdasarkan huraian al-Delhi r.h., Mohd. Affandi menghuraikan falsafah “Hakikat Insan”, yang pada dasarnya merujuk kepada hakikat penciptaan manusia yang dicipta untuk melakukan kebaikan atau beribadah kepada Penciptanya. Ibadah ini dilaksanakan melalui daya usaha manusia yang diasaskan kepada ilmu yang benar, atau disebut ikhtiar (Mohd. Affandi, 2014: 264). Dengan pemahaman ini, *Taklif* dapat difahami atas tiga perkara pokok yang menunjangi, iaitu keadilan, daya usaha (ikhtiar), dan ilmu yang benar. “Keadilan” di sini merujuk kepada letaknya sesuatu itu pada kedudukannya yang benar atau *haq* di sisi Islam. “Ikhtiar” pula merujuk kepada daya usaha manusia untuk meletakkan sesuatu itu pada kedudukannya yang benar (*haq*) di sisi Islam. Sementara, “ilmu yang benar” pula merujuk kepada ilmu yang dapat menjadikan manusia itu tahu membezakan antara kebenaran dengan kepalsuan di sisi Islam. Ketiga-tiga perkara di atas dianggap penting dalam melahirkan “amal soleh”, iaitu perbuatan baik yang dilaksanakan oleh manusia berasaskan “ilmu yang benar”, serta niat hanya untuk beribadah kepada Penciptanya, sebagaimana yang terkandung dalam falsafah “Hakikat Ilmu dan Amal” (Mohd. Affandi, 2005: 22; Mohd. Affandi *et al.*, 2008: 34). “Amal soleh” manusia inilah yang menterjemahkan hakikat keterikatan manusia dengan Penciptanya atau *Taklif*.

Seterusnya, dalam pengertian kedua-dua falsafah, Mohd. Affandi menjelaskan tentang "Hakikat dan Fungsi Sastera". Hakikat ini meletakkan kegiatan penulisan karya sastera sebagai satu bentuk ibadah manusia kepada Allah SWT. Bersesuaian dengan kedudukannya sebagai satu ibadah, kegiatan sastera dituntut menyampaikan ilmu yang benar, sebagaimana yang telah dijelaskan. Tuntutan ini memberikan makna serta fungsi sastera di sisi Islam termasuk memetakan batas tertentu dalam penulisan, sejajar dengan nilai Islam. Dalam konteks penulisan karya kreatif, batas-batas ini meliputi aspek penampilan fizikal, aspek tingkah laku, dan aspek persepsi watak-watak dalam karya kreatif seperti cerpen (Mohd. Affandi, 2005: 22 – 29; Mohd. Affandi *et al.*, 2008: 159). Merujuk kepada aspek tersebut, PB menuntut supaya watak wanita dalam karya kreatif menyerlahkan penampilan fizikal, tingkah laku serta persepsi yang seiring dengan prinsip *Taklif*. Sebagaimana yang telah dijelaskan, *Taklif* merujuk kepada "kebertanggungjawaban agama ke atas diri manusia". Dengan pengertian ini, penerapan prinsip *Taklif* ini menuntut supaya watak-watak wanita dalam karya kreatif, hadir dengan ciri perwatakan yang dapat memanasifasikan kebertanggungjawaban (watak wanita) terhadap agama (Islam). Dengan kata lain, penerapan prinsip *Taklif* dalam kegiatan kreatif, tidak dapat mengizinkan serta mewajarkan penampilan watak wanita Islam yang mengingkari agamanya. Seajar dengan prinsip *Taklif* yang memperakukan keterikatan manusia dengan Allah SWT, pemahaman tentang wanita di sisi Islam termasuk aspek penampilan fizikal, tingkah laku dan persepsi, didasarkan kepada al-Quran dan as-Sunnah. Berdasarkan kepada kedua-dua sumber ilmu yang paling berautoriti dalam Islam ini, pemahaman akan turut memanfaatkan beberapa pandangan sarjana dan pengkaji yang relevan dan sesuai. Pemahaman berasaskan prinsip *Taklif* dijadikan sebagai kayu ukur menilai aspek penampilan fizikal, tingkah laku dan persepsi watak Fatimah yang hadir sebagai protagonis dalam dua cerpen Hamzah yang dikaji, iaitu "Perempuan Gusti" dan "Fatimah Kahwin".

#### ANALISIS WATAK FATIMAH DALAM CERPEN "PEREMPUAN GUSTI"

Cerpen ini mengisahkan kehidupan watak protagonis bernama Fatimah, seorang gadis Melayu beragama Islam yang bertunang dengan Ahmad, seorang lelaki Melayu beragama Islam. Cerita tertumpu perihal keinginan

Fatimah menceburi bidang sukan gusti yang dimonopoli oleh kaum lelaki. Cerpen ini menceritakan bagaimana Fatimah menjalani latihan sukan gusti bersama jurulatih gusti terkemuka.

Watak Fatimah hadir sebagai seorang gadis moden yang hidup dengan gaya Barat. Gambaran ini kemudian diperkukuhkan melalui aspek penampilan fizikal, khususnya cara Fatimah berpakaian. Fatimah diceritakan gemar berpakaian jarang kerana mahu menunjukkan tubuhnya yang langsing kepada orang ramai. Penampilan Fatimah tidak ditegur oleh teman lakinya, Ahmad. Cerpen menceritakan bahawa Ahmad terlalu menyayangi Fatimah. Perihal penampilan Fatimah digambarkan dalam cerpen, sebagaimana petikan berikut:

Sedang dia masing-masing terlantar di atas lantai, tiba-tiba pelatih itu menerkam kepada Fatimah. Pucat muka Fatimah, kalau ditoreh tiada berdarah. Tahu-tahu sahaja pelatih itu sudah ada di atas badannya, rambut Fatimah digenggamnya dengan tangan... (Hamzah, 1996: 336).

Dapat dikatakan bahawa manifestasi watak Fatimah dengan cara berpakaian yang jarang dan tidak memakai tudung kepala, bertentangan dengan konsep “aurat” menurut Islam. Penting untuk diingatkan bahawa menurut prinsip *Taklif*, Allah SWT mewajibkan pemakaian hijab bagi kaum wanita dan mengharamkan pendedahan auratnya terutamanya dalam konteks pergaulan wanita dengan lelaki. Menurut Che Zainon Yusof (1995: 72), tuntutan berpakaian menutup aurat ini sejajar dengan sebuah hadis Rasulullah SAW, yang bermaksud:

Daripada Khalid bin Duraik, daripada Aishah, bahawa Asma’ binti Abu Bakar telah memasuki rumah Rasulullah dengan berpakaian nipis, Rasulullah berpaling dari melihat Asma’ lalu bersabda: “Wahai Asma’! Sekiranya seseorang wanita itu telah didatangi haid, (baligh) tidak boleh dilihat tubuh badannya kecuali bahagian ini dan ini sahaja, (sambil Rasulullah menunjukkan ke arah muka dan dua tangannya)”.

Menurut Fuad Mohd. Fachruddin dalam bukunya *Aurat dan Jilbab dalam Pandangan Mata Islam* (1984: 14), aurat wanita Islam ialah seluruh tubuh kecuali muka dan tangan, biarpun ketika dalam atau luar solat. Jika

bersendirian pula, aurat wanita adalah di antara pusat dengan lututnya. Menurut Muhammad Imran dalam bukunya bertajuk *Wanita Ideal Menurut al-Quran dan al-Sunnah* (1997: 115), kewajipan pemakaian hijab dalam kalangan wanita Islam antaranya terkandung dalam al-Quran Surah al-Ahzab, Ayat 59 yang antara lain bermaksud:

Wahai Nabi, suruhlah isterimu dan anak perempuanmu serta wanita-wanita yang beriman, agar melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya; Yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenali, maka mereka tidak akan diganggu. Dan Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani (*Tafsir al-Quran*, 2010: 426).

Kewajipan ini bertujuan menjamin dan menjaga wanita daripada fitnah dan menyelamatkan diri daripada perangkap iblis. Seajar dengan itu, Andek Masnah Andek Kelawa (seterusnya Andek Masnah) dalam bukunya bertajuk *Kepimpinan Wanita dalam Islam* (1999: 24), menjelaskan bahawa hakikat pemakaian hijab bagi wanita Islam adalah menghindarkan mereka mengikuti cara wanita Arab Jahiliah berhias dan berpakaian. Andek Masnah berpendapat pemakaian hijab yang diwajibkan ke atas kaum wanita Islam melindungi maruah dan kehormatan wanita Islam supaya tidak dipandang rendah. Pandangan ini seajar dengan Hamizah Hussin (1993: 7) yang berpendapat bahawa hukum aurat menjadi manifestasi terhadap kemuliaan kedudukan kaum wanita di sisi Islam, sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan berikut:

Meletakkan kaum wanita di tempat yang sewajarnya bukanlah merupakan suatu yang dinamakan "kongkongan", tetapi ia adalah merupakan jalan yang paling selamat untuk memelihara kemuliaan yang diberikan oleh Islam kepada kaum wanita (Hamizah Hussin, 1993: 7).

Bererti, dari cara berpakaian, penampilan watak Fatimah bertentangan dengan prinsip *Taklif*.

Analisis seterusnya beralih kepada aspek tingkah laku wanita yang dimanifestasikan menerusi watak Fatimah. Cerpen menceritakan tingkah laku Fatimah yang membenarkan dirinya dipeluk oleh jurulatih lelaki dan bukan mahramnya, sebagaimana yang diungkapkan dalam petikan berikut:

Di dalam *ring* [gelanggang] itu hanya dia dan pelatih itu. Tiba-tiba pelatih itu memeluknya – pelatih itu juga memakai baju mandi – dan dengan tidak disedarinya Fatimah terlantar ke atas lantai *ring* itu... (Hamzah, 1996: 335).

Dapat dikatakan bahawa manifestasi watak Fatimah dengan tingkah lakunya yang sedemikian, bergaul bebas dengan lelaki bukan mahramnya, bertentangan dengan konsep “aurat” dan ajaran Islam tentang akhlak seorang wanita. Penting diingatkan bahawa menurut prinsip *Taklif*, pergaulan antara lelaki dengan perempuan di sisi Islam dibatasi dengan hukum aurat. Menurut Muhammad Imran (1993: 116), ayat al-Quran Surah al-Ahzab Ayat 53 dengan jelas membataskan pergaulan antara lelaki dengan perempuan, sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan di bawah:

Melalui cara ini [merujuk kepada perintah Allah SWT supaya kaum lelaki yang ingin meminta sesuatu dari isteri-isteri Rasulullah SAW perlu melakukannya di sebalik tabir], pergaulan bebas antara lelaki dan wanita dapat dicegah dan diharamkan tanpa sebarang syarat (Muhammad Imran, 1993: 116).

Dalam konteks hukum aurat, Islam mengemukakan konsep “mahram”. Menurut Muhammad Abdul ‘Aziz ‘Amr (2009: 39), “mahram” merujuk kepada status perhubungan antara lelaki dengan perempuan yang menentukan sama ada mereka dihalalkan atau diharamkan untuk berkahwin. Hukum halal haram ditentukan atas sebab keturunan, penyusuan atau perkahwinan. Status mahram turut menentukan hukum aurat antara lelaki dengan perempuan. Penjelasan tentang konsep mahram ini terkandung dalam al-Quran Surah An-Nisaa’, Ayat 23 yang bermaksud:

Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (wanita-wanita berikut): ibu-ibumu, anak-anakmu, saudara-saudaramu, saudara-saudara bapamu, dan saudara-saudara ibumu, anak-anak saudaramu yang lelaki, anak-anak saudaramu yang perempuan, ibu-ibumu yang telah menyusukan kamu, saudara-saudara susuanmu, ibu-ibu isterimu, anak-anak tiri yang dalam pemeliharaanmu dari isteri-isteri yang kamu telah campuri; tetapi kalau kamu belum campuri mereka, maka tiadalah salah kamu mengahwininya. Dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu. Dan bekas isteri anak-anakmu sendiri

yang berasal dari benih kamu. Dan menghimpunkan dua beradik (untuk dikahwini), kecuali yang berlaku di masa lalu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani (*Tafsir al-Quran*, 2010: 81).

Bererti, manifestasi aspek pergaulan Fatimah yang bebas bertentangan dengan prinsip *Taklif*.

Watak Fatimah juga diceritakan memiliki tingkah laku yang kasar kerana terpengaruh dengan teknik gusti yang dipelajarinya. Sepanjang sesi latihan, jurulatih Fatimah diceritakan telah menguji kekuatan Fatimah dengan menarik rambut, melontarkan badan serta menghentakkan kepala anak didiknya itu ke lantai gelanggang gusti. Dengan latihan gusti yang sedemikian, Fatimah yang dahulunya berperwatakan lemah lembut, berubah menjadi kasar. Misalnya, Fatimah diceritakan pernah membaling badan teman lelakinya, Ahmad ke lantai ketika mereka bergurau senda, sebagaimana yang diceritakan dalam cerpen seperti berikut, "Setelah Fatimah turun dari *ring* [gelanggang] itu untuk bergurau dengan Ahmad, Fatimah memeluk Ahmad dan membaling Ahmad ke lantai" (Hamzah, 1996: 338).

Penting untuk dijelaskan bahawa tingkah laku Fatimah yang kasar seperti yang dibangkitkan, berkait rapat dengan persepsi watak protagonis wanita itu. Fatimah diceritakan menceburi sukan gusti kerana mahu memiliki keberanian dan kekuatan seperti ahli gusti lelaki. Selepas menjalani beberapa sesi latihan gusti, Fatimah kemudian diceritakan berubah menjadi wanita yang kasar dan tidak lagi mempunyai perasaan malu. Cerpen turut menjelaskan bahawa tujuan Fatimah memilih untuk menjadi ahli gusti, kerana dia tidak mahu hanya menjadi suri rumah setelah berkahwin dengan Ahmad. Oleh hal yang demikian, cerpen menceritakan bagaimana Fatimah tidak menghiraukan pandangan Ahmad dan tetap berdegil untuk menjadi ahli gusti. Lebih menarik, kedegilan Fatimah menjadi seorang ahli gusti itu diungkapkan dalam cerpen sebagai satu "kemodenan", sebagaimana yang dijelaskan dalam cerpen:

Kemodenan Fatimah sesekali itu betul memanaskan darah muda Ahmad. Betapa tidak, kerana Fatimah telah meminta izin daripada

teman lelakinya itu akan dibenarkan dirinya jadi perempuan gusti. Keizinan itu tidak diberikan Ahmad, sebaliknya Fatimah menganggap bahawa dia berhak sendiri membentuk hidupnya asal sahaja soal itu tidak mengenai rumah tangga. Sedangkan dirinya itu baru bertunang dengan Ahmad jadi belum dapat dikatakan sudah berumah tangga, rumah tangga menurut logik Fatimah ialah membersihkan rumahnya dan menyiapkan makan suaminya – habis perkara (Hamzah, 1996: 335).

Dapat dikatakan bahawa manifestasi tingkah laku watak Fatimah yang kasar dan bertekad menjadi ahli gusti kerana mahu dirinya mempunyai kekuatan dan keberanian seperti ahli gusti lelaki adalah bertentangan dengan prinsip *Taklif*. Menurut prinsip *Taklif*, manusia terikat dengan “fitrah”nya sebagai hamba yang sentiasa mahu menyembah Penciptanya. Terangkum dalam pengertian fitrah ini juga ialah keakuran manusia termasuk lelaki dan perempuan terhadap keadaan biologi dan keupayaan jasmani mereka. Menurut Islam, Allah SWT telah menciptakan kaum wanita dengan keadaan biologi serta keupayaan jasmaninya yang tersendiri dan berbeza dengan lelaki. Keadaan biologi serta kemampuan jasmani manusia menjadi pertimbangan penting dalam mengatur urusan kehidupan. Dalam hal ini, Islam menuntut manusia untuk sentiasa bijaksana dalam mengatur urusan kehidupan. Dengan kebijaksanaan itu, manusia akan sentiasa dapat memelihara “fitrah”nya (untuk menyembah Allah SWT), dan sekali gus memelihara perjanjian azali (*Taklif*)nya itu. Justeru, terangkum dalam prinsip *Taklif* ialah “ikhtiar” (atau pilihan yang berdasarkan “ilmu yang benar”) seseorang wanita dalam memilih pekerjaan yang tepat serta sesuai dengan keadaan biologi serta keupayaan jasmani mereka. Pilihan yang tepat (berasaskan “ilmu yang benar”) dianggap sebagai satu “keadilan” menurut Islam. Mukhlas Asy-Sharkoni dalam bukunya *Apa Kata Islam Tentang Kedudukan Wanita, Harta dan Takhta* (1999: 80 – 81) berpendapat bahawa penting bagi wanita memilih pekerjaan yang sesuai dengan fitrahnya kerana pekerjaan tersebut akan mempengaruhi akhlak seseorang wanita, sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan berikut:

Sekarang ini dengan perkembangan sains dan teknologi, di mana ia dapat memberi peluang pekerjaan yang berbagai macam pada wanita, ini merupakan suatu keadaan yang menguntungkan, tetapi di sisi lain merupakan



cabaran, oleh itu bila wanita ingin bekerja jangan asal sembarangan bekerja, pastikan pekerjaan anda itu halal dan selamat, sebab akhir-akhir ini telah timbul kerosakan akhlak remaja dan masyarakat disebabkan wanita yang aktif bekerja, wanita yang telah melupakan tanggungjawab sebagai wanita, wanita yang lebih suka pada profesion pekerjaannya daripada maruahnyanya (Mukhlis Asy-Sharkoni, 1999: 80-81).

Bererti, dari aspek tingkah laku dan persepsi, watak Fatimah adalah bertentangan dengan prinsip *Taklif*. Pada tahap ini, manifestasi watak Fatimah dalam cerpen "Perempuan Gusti" karya Hamzah Hussin bercanggah dengan prinsip *Taklif*.

#### ANALISIS WATAK FATIMAH DALAM CERPEN "FATIMAH KAHWIN"

Seterusnya, perbincangan beralih pada karya Hamzah bertajuk "Fatimah Kahwin". Cerita ini merupakan sambungan cerpen "Perempuan Gusti" yang mengisahkan tentang keinginan Fatimah untuk menjadi seorang ahli gusti. Pengarang melanjutkan perhubungan cinta antara Fatimah dengan teman lelakinya, Ahmad.

Sebagai watak protagonis, manifestasi Fatimah dalam cerpen "Fatimah Kahwin" lebih tertumpu pada aspek tingkah lakunya yang bebas dan tidak menjaga batas pergaulan. Fatimah diceritakan bukan sahaja kelihatan bersahaja apabila pipinya dicium oleh Ahmad, sebaliknya dia sendiri turut membalas ciuman itu dengan mengucup pipi teman lelakinya. Pasangan kekasih ini juga diceritakan saling berkucup-kucupan di hadapan penonton yang menyaksikan perlawanan gusti (yang disertai) Fatimah, tanpa rasa malu atau bersalah, sebagaimana yang diceritakan dalam cerpen seperti petikan berikut:

Jalannya apabila di dalam peraduan gusti yang disaksikan oleh penuh sesak penonton, selepas berjaya mengalahkan lawannya, maka dengan segera Fatimah turun dari *ring* dan menyedut pipi Ahmad, sebaliknya kalau Fatimah kalah, Ahmad dengan malu akan bersembunyi di dalam bilik salin disaksikan oleh empat biji mata sahaja yang mencium pipi Fatimah (Hamzah, 1996: 339 – 340).

Seterusnya, sebagai ahli gusti wanita, perbuatan serta tindak tanduk Fatimah terutamanya ketika bertarung gelanggang diceritakan menjadi perhatian umum. Hal ini jelas apabila perbuatan Fatimah mencium pipi Ahmad mendapat liputan di akhbar tempatan. Reaksi Fatimah diceritakan berasa bangga apabila berita serta gambarnya yang sedang mengucup pipi Ahmad itu tersiar dalam akhbar, sebagaimana yang diceritakan:

Cinta dia kepada Fatimah semakin jadi panas adalah bersebab. Sebabnya, sekarang Fatimah tidak malu membenarkan Ahmad mencium pipinya, malah pernah masa-masanya Fatimah mencium pipi Ahmad. Bahawa Fatimah mencium Ahmad bukan suatu rahsia lagi. Berita-berita serta gambar-gambar Fatimah mengucup pipi Ahmad sudah disiarkan berkali-kali oleh akhbar-akhbar tempatan Melayu, Cina, India, Malbari dan Inggeris (Hamzah, 1996: 339).

Penting untuk dijelaskan bahawa tingkah laku Fatimah yang bebas bergaul dengan teman lelakinya, berkait rapat dengan persepsi watak protagonis wanita itu. Fatimah diceritakan mempunyai persepsi bahawa kemodenan wanita itu bersangkutan paut dengan kebebasan pergaulannya. Dalam hal ini, Fatimah berpendapat bahawa kemodenan diri seseorang wanita terletak pada pergaulannya yang bebas, yang dimanifestasikan melalui keberanian bercium dengan lelaki, sebagaimana yang diucapkan watak Fatimah dalam dialognya seperti berikut, “Bagi seorang gadis moden, dia tidak akan dikatakan gadis moden seandainya dia belum pernah dicium atau mencium” (Hamzah, 1996: 341). Dialog ini hadir dalam konteks cerita yang memaparkan tingkah lakunya yang bebas bergaul dengan lelaki, sebagaimana yang jelas dalam analisis di atas. Kebebasan pergaulan Fatimah dengan teman lelakinya, Ahmad digambarkan dalam petikan berikut:

Kesangsian Ahmad [merujuk kepada tingkah laku Fatimah yang kelihatan biasa dicium lelaki] sudah tidak jadi sangsi lagi sebab Fatimah mengaku, “Saya selalu dicium oleh lelaki, tetapi cium sahaja, tidak lebih dari itu.” Fatimah ketawa kecil memandang wajah Ahmad yang terperanjat dan menyambung, “Bagi seorang gadis moden, dia tidak akan dikatakan gadis moden seandainya dia belum pernah dicium atau mencium” (Hamzah, 1996: 341).

Manifestasi watak Fatimah dengan tingkah lakunya yang bergaul bebas serta tidak menjaga batas pergaulan antara lelaki dengan perempuan

adalah bertentangan dengan konsep “aurat” menurut Islam. Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam analisis, terangkum dalam konsep “aurat” ini ialah soal pembatasan pergaulan antara lelaki dan wanita. Dalam hal ini, Masyitah Mokhtar (seterusnya Masyitah) dalam bukunya bertajuk *Wanita: Masalah dan Penyelesaian* (1989: 65) memetik sebuah hadis Rasulullah SAW yang antara lain bermaksud:

Janganlah duduk berdua-duaan dengan seorang wanita yang tidak halal baginya kerana sesungguhnya yang ketiga selepas kedua mereka ialah syaitan, kecuali ada bersama mereka muhrim (Masyitah, 1989: 65).

Penting difahami sebab pembatasan pergaulan lelaki-perempuan yang bertujuan mengelakkan berlakunya fitnah atau maksiat yang dipandang keji oleh Islam. Menurut prinsip *Taklif*, pergaulan bebas lelaki-perempuan dianggap mendedahkan manusia terhadap kejahatan nafsu kejantinaan yang boleh mengundang fitnah. Mohammad Hashim Kamali (1993: 192) dalam analisisnya tentang “fitnah”, menghuraikan pandangan Imam al-Ghazali r.h. yang menurutnya berpendapat bahawa nafsu kejantinaan menjadi antara penyumbang besar kepada berlakunya fitnah, sebagaimana yang dijelaskannya:

*...al Ghazālī hastens to add that sex is one of the greatest incentives to fitnah. To resist the powerful urge of this instinct requires strong faith and determination. There are two instances of invocation in the Qur'an in which believers are advised to seek God's help against "the evil of darkness when it prevails" (113:3) and "a burden which we do not have the capacity to carry" (2:286). In both of these, it is said that the reference is to sexual urges which darken the intellect when they prevail and which can overwhelm a person...*

Dalam konteks ini juga, Kaulah Abdul Latief al-Atiqi dalam bukunya berjudul *Wanita Islam Hari Ini: Kerja dan Fungsinya* (1999) menjelaskan bahawa kerosakan dan keruntuhan moral dalam kalangan remaja berpunca daripada pergaulan bebas dan tidak mengambil berat soal pemakaian, sebagaimana yang dijelaskannya:

Sudah tidak asing lagi, bahawa pada umumnya berbagai-bagai kerosakan dan keruntuhan moral yang berjangkit di kalangan remaja adalah berpunca dari pergaulan bebas dan wanita yang suka mendedahkan kecantikan dan harga diri. Di sebalik larangan agama pasti terdapat hikmat. Larangan ini jika dilanggar pasti mengakibatkan bahaya dan kerosakan kepada perorangan, masyarakat dan akidah (Kaulah Abdul Latief al-Atiqi, 1999: 50).

Bererti, tingkah laku watak Fatimah yang bergaul bebas termasuk berkucupan dengan teman lelakinya, Ahmad merupakan satu perbuatan yang bertentangan dengan hukum “aurat” Islam, selain mendedahkan diri masing-masing dengan perbuatan maksiat yang bercanggah dengan ajaran Islam. Dengan kata lain, manifestasi watak Fatimah yang sedemikian itu bercanggah dengan prinsip *Taklif*.

Seterusnya, watak Fatimah juga hadir dengan persepsinya terhadap pemakaian tudung kepala, iaitu satu cara berpakaian yang diwajibkan ke atas wanita Islam. Sebagaimana yang jelas dalam analisis cerpen “Perempuan Gusti”, Fatimah hadir sebagai watak wanita Islam yang tidak memakai tudung kepala. Penampilan Fatimah yang sedemikian (dalam cerpen “Perempuan Gusti”) kemudiannya diikuti (dalam cerpen “Fatimah Kahwin”) dengan persepsi yang menganggap tudung kepala (disebut dalam cerpen sebagai “selendang”) sebagai satu cara pemakaian yang bertentangan dengan naluri semula jadi wanita. Tanggapan ini jelas apabila cerpen menganggap tudung kepala hanya melindungi kecantikan rambut kaum wanita daripada menjadi tatapan umum terutamanya kaum lelaki, sebagaimana yang dinyatakan dalam petikan di bawah ini:

“Bukankah dengan memakai selendang itu rambut mereka yang bergulung-gulung oleh keriting elektrik tidak akan dapat dengan asyik oleh kaum lelaki, lebih-lebih lagi kaum wanita yang tidak berkeriting elektrik?” (Hamzah, 1996: 343).

Persepsi ini hadir ketika Ahmad diceritakan sedang berusaha memikat hati Fatimah dan memikirkan hadiah yang sesuai untuk diberikan kepada teman wanitanya. Oleh itu, Ahmad diceritakan telah mendapatkan pandangan teman-temannya. Melalui pandangan teman-temannya ini, cerpen mengutarakan persepsinya tentang pemakaian tudung kepala yang

dianggap bertentangan dengan naluri semula jadi wanita. Lebih penting lagi, persepsi ini kemudiannya diperkukuhkan dengan manifestasi penampilan watak Fatimah yang digambarkan selesa bergerak ke sana ke mari tanpa memakai tudung kepala.

Seterusnya, cerpen memperkukuhkan lagi persepsi tersebut dengan mengutarakan pandangannya yang menganggap tudung kepala sebagai penghalang terhadap kemodenan wanita. Dengan tanggapan sedemikian, cerpen berpendapat bahawa perbuatan menghadiahkan seorang wanita dengan tudung kepala boleh mengundang salah faham dan melukakan hati seorang wanita moden, sebagaimana yang dijelaskan dalam cerpen:

Sewaktu Ahmad mengemukakan pendapat [melembutkan hati wanita moden dengan pemberian wang] tidak setujunya kepada kawan-kawannya itu, kawan-kawan itu jadi geli hati... Tidak begitu kawan! Caranya begini, jelas kawan-kawan itu lagi, wang itu dipergunakan bagi membeli barang hiasan seperti gincu bibir (gincu bibir yang amat digemari oleh wanita moden – nasihat kawan itu dengan tersenyum) bedak, serbuk merah pipi, air wangi, krim muka untuk melicinkan muka mereka. “Dan selendang,” ujar Ahmad. “Selendang! Kau gila!” balas kawan itu kurang percaya dengan tegasan Ahmad. “Kenapa tidak selendang, kan selendang itu digemari betul oleh wanita?” sahut Ahmad. Lengking agak marah dengan kecekan fikiran Ahmad atas soal-soal wanita moden, “Bagi Asmah moden, Rokiah moden, Marlia moden, siapa saja wanita yang moden, selendang itu berupa musuh mereka, memberi selendang kepada mereka bererti memilukan hati mereka” (Hamzah, 1996: 342 – 343).

Dapat dikatakan bahawa persepsi yang diutarakan dalam cerpen “Fatimah Kahwin” yang menganggap bahawa pemakaian tudung kepala sebagai bertentangan dengan naluri semula jadi serta menghalang kemodenan wanita adalah bertentangan dengan konsep “aurat” menurut Islam, dan sekali gus prinsip *Taklif*.

Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam analisis, menjadi kewajipan bagi seorang wanita Islam menutupi auratnya yang meliputi seluruh tubuhnya kecuali muka dan kedua tapak tangan. Seterusnya, Fuad Mohd. Fachruddin (1984: 1) menjelaskan pengertian “aurat” yang merujuk kepada sesuatu yang boleh menimbulkan syahwat atau membangkitkan

nafsu angkara murka, dan justeru membawa kepada perasaan malu dan keinginan untuk menutupi atau memeliharanya dengan rapi. Pandangan ini bersandarkan kepada dalil al-Quran yang menjelaskan bahawa aurat kaum wanita wajib dilindungi bagi mengelakkan berlakunya fitnah atau kemaksiatan, selain melindungi kehormatan dan maruah diri wanita, sebagaimana dalam al-Quran Surah al-Ahzab, ayat 59. Bertepatan dengan persepsi yang diutarakan dalam cerpen “Fatimah Kahwin”, Muhammad Imran (1997: 117) menjelaskan bahawa pada zaman moden, terdapat wanita Islam yang secara terang-terangan menolak pemakaian tudung kepala. Menurut beliau, penolakan ini disebabkan oleh pengaruh Barat yang menganggap pemakaian tudung menghalang kemajuan serta kemodenan kaum wanita. Dalam hal ini ini, Muhammad Imran (1997: 118) berpendapat bahawa wanita Islam yang menentang pemakaian tudung, secara tidak langsung menghakis kehormatan dirinya yang dipelihara oleh Islam sebagai seorang wanita yang beriman dan bertakwa, sebagaimana yang ditegaskannya:

Pada hari wanita Muslimah membuang tudungnya hasil tekanan Barat, ketika itu juga mereka kehilangan kehormatan mereka kerana pakaian luar itu bukan hanya sekeping kain panjang bahkan adalah mahkota dan kemegahannya (Muhammad Imran, 1997: 118).

Bererti, persepsi cerpen yang menganggap bahawa pemakaian tudung kepala yang diwajibkan ke atas wanita Islam sebagai bertentangan dengan naluri semula jadi dan menghalang kemodenan wanita, merupakan satu pandangan yang bercanggah dengan prinsip *Taklif*. Pada tahap ini, dapat dikatakan bahawa manifestasi watak Fatimah dalam cerpen “Perempuan Gusti” karya Hamzah Hussin ini bercanggah dengan prinsip *Taklif*.

## RUMUSAN

Berdasarkan hasil penelitian terhadap watak wanita dalam dua cerpen Hamzah Hussin berdasarkan prinsip *Taklif*, analisis menemukan beberapa kesimpulan. Antaranya, kecenderungan kedua-dua cerpen yang dikaji memanasifestasikan protagonis wanita dengan penampilan, tingkah laku, serta persepsi yang bertentangan dengan kedudukannya sebagai wanita Islam,

dan sekali gus prinsip *Taklif*. Dari segi penampilan, cerpen "Perempuan Gusti," menghadirkan watak protagonisnya, Fatimah yang tidak akur dengan cara pemakaian wanita yang digariskan oleh syariat Islam. Fatimah gemar memakai pakaian yang jarang serta tidak memakai tudung kepala.

Dari segi tingkah laku, cerpen "Perempuan Gusti," menghadirkan Fatimah sebagai wanita Islam yang memilih profesion ahli gusti. Sebagai ahli gusti, Fatimah ditampilkan dengan tingkah laku yang kasar dan tidak sopan. Menurut prinsip *Taklif*, pilihan ini dianggap tidak sesuai dengan biologi serta keupayaan jasmani kaum wanita. Selain itu, cerpen "Perempuan Gusti" turut menampilkan tingkah laku protagonisnya wanita Islam yang tidak menitikberatkan batas pergaulan lelaki-perempuan yang digariskan Islam. Fatimah diceritakan berani menyalin pakaian mandi di hadapan jurulatih lelaki yang bukan mahramnya. Begitu juga dalam cerpen "Fatimah Kahwin" yang memaparkan tindak-tanduk Fatimah yang tidak teragak-agak berpelukan dan bercium dengan teman lelakinya di khalayak ramai.

Seterusnya, analisis mendapati bahawa kedua-dua cerpen memperkukuhkan penampilan fizikal serta tingkah laku watak protagonisnya dengan persepsi tertentu. Cerpen "Perempuan Gusti," mengutarakan persepsi yang menganggap bahawa kemodenan wanita itu dapat diukur berdasarkan pilihan kerjayanya. Dalam hal ini, Fatimah berpendapat bahawa pilihan kerjaya sebagai ahli gusti, dan bukannya suri rumah tangga sebagai satu lambang kemodenan dirinya sebagai seorang wanita. Cerpen "Fatimah Kahwin" pula mengutarakan persepsi yang menganggap bahawa pemakaian tudung kepala sebagai bertentangan dengan naluri semula jadi wanita, selain menghalang kemodenan seseorang wanita. Selain itu, cerpen ini turut mengutarakan persepsi bahawa kemodenan seseorang wanita itu dapat diukur berdasarkan kebebasan pergaulan mereka dengan kaum lelaki. Menurut prinsip *Taklif* yang menunjangi gagasan PB dan menjadi kerangka analisis, dengan penampilan fizikal, tingkah laku serta persepsi sedemikian, watak protagonis dalam kedua-dua cerpen Hamzah yang dikaji, hadir sebagai watak wanita Islam yang menyanggah syariat agamanya, dan sekali gus prinsip *Taklif*.

## NOTA

\* Artikel ini sebahagian besarnya diekstrak daripada tesis sarjana Elizatul Nastaysah Kamaruddin berjudul “Representasi Watak Wanita dalam Karya Sastera Melayu Moden Berdasarkan Kerangka *Taklif*”, Universiti Putra Malaysia (2016).

## RUJUKAN

- Andek Masnah Andek Kelawa. (1999). *Kepimpinan wanita dalam Islam: Kedudukannya dalam syariah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Athi Sivan Mariappan. (1997). *Hamzah Hussin: Sekitar pemikiran seni untuk seni*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baalbaki, M. (1997). *Al-Mawrid: A Modern Arabic-English Dictionary*. Beirut: Dar El Ilm Lil Malayen.
- Che Zainon Yusof. (1995). *Penyelewengan Islam menurut pandangan Islam*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Fuad Mohd. Fachruddin. (1984). *Aurat dan jilbab dalam pandangan mata Islam*. Jakarta: Penerbit Yayasan al-Amin.
- Hamizah Hussin. (1993). *Wanita solehah*. Johor: Penerbitan Al-Masyhur Sdn. Bhd.
- Hamzah Hussin. (1996). Perempuan Gusti. Dlm. Othman Puteh (Pngr.), *Pagar Bukan Penjara: Kumpulan Cerpen 1947 – 1968 Hamzah Hussin*. (334 – 338). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (1996). Fatimah Kahwin. Dalam Othman Puteh (Pngr.), *Pagar Bukan Penjara: Kumpulan Cerpen 1947 – 1968 Hamzah Hussin*. (339 – 344). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamali, H. M. (1993). Freedom of expression in Islam: An analysis of fitnah. *The American Journal of Islamic Social Science* (2), pp. 178 – 209.
- Kaulah Abdul Latief al-Atiqi. (1999). *Wanita Islam hari ini: Kerja dan fungsinya*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi.
- Masyitah Mokhtar. (1989). *Wanita: Masalah dan penyelesaian*. Kuala Lumpur: Karya Media Publisher.
- Membunga@Siti Meriam Yaacob. (2005). Tanggapan Terhadap Wanita dalam Karya Hamzah dan Keris Mas. *Tesis Kedoktoran*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Raezi Ismail. (1994). *Hamzah Hussin: Tokoh budayawan Melayu*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA).
- \_\_\_\_\_. (2010). *Wanita dalam karya Hamzah Hussin dari perspektif kritikan feminis*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohd. Affandi Hassan. (2005). *Pendidikan estetika daripada pendekatan tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Mohd. Zariat Abdul Rani. (2008). *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan penerapan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.



- \_\_\_\_\_. (2014). *Gagasan Persuratan Baru Edisi Kedua*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Abdul 'Aziz 'Amr. (2009). *Pakaian dan perhiasan dalam syariat Islam*. Kuala Lumpur: Darulfikir Sdn. Bhd.
- Muhammad Imran. (1993). *Muslimah sejati*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- \_\_\_\_\_. (1997). *Wanita ideal menurut Al-quran & Al-Sunnah*. Terj. Fathilah Mohd. Alipah. Selangor: Syabab Publishing House Sdn. Bhd.
- Mukhlis Asy-Sharkoni. (1999). *Apa kata Islam tentang kedudukan wanita, harta dan takhta*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Shah Wali Allah al-Delhi r.h. (1996). *The conclusive argument from God*. Terj. Hermansen, Marcia K. New York: E. J. Brill.
- Tafsir al-Qur'an (Resam Othmani)*. (2010). Perak: Maghfirah Pustaka al-Madani Enterprise.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Zulkarnain Mohamed. (2013). *Islam, feminisme Barat dan sastera Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

### **Sumber Internet**

- Mohd. Affandi Hassan. Bisukah Sastera Melayu Tanpa Teori Sastera Barat. *Gagasan Persuratan Baru*. 14 Jun 2012. Mohd. Affandi Hassan. 10 April 2015. [http://pbaru.blogspot.my/2012/06/bisukah-sastera-melayu-tanpa-teori\\_14.html](http://pbaru.blogspot.my/2012/06/bisukah-sastera-melayu-tanpa-teori_14.html).

